# Panduan penggunaan Sumber Elektronik Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan User name serta password untuk setiap pengkalan data.




Sila login menggunakan IC numbers dan password ini.

IC numbers: **polimas**

Password: **polimas**

**Maklumat yang terdapat di dalam Sumber Elektronik Perpustakaan**

**(i) EBSCO**

Perkhidmatan Maklumat EBSCO (EBSCOHost) merupakan pangkalan data terbesar yang menyediakan akses kepada e-Buku, artikel daripada beribu-ribu judul e-Jurnal dan pelbagai sumber maklumat daripada lebih 100 pangkalan data. EBSCOHost merupakan antara pangkalan data yang popular di dunia, ia telah digunakan secara meluas di kebanyakan perpustakaan dan komuniti perniagaan selama lebih daripada 60 tahun.

- Pengguna tidak memerlukan password untuk mengakses pengkalan data ini.

**(ii) Encyclopedia Britannica Online**

**Encyclopedia Britannica Online (Library Edition)** menyediakan perkhidmatan bagi mengakses kandungan keseluruhan Ensaiklopedia Britannica secara dalam talian, khusus untuk seluruh rakyat Malaysia. Pangkalan data ini kaya dengan pelbagai sumber ilmu terkini, relevan serta sahih yang boleh anda gunakan untuk menyokong pendidikan dan pembelajaran. Perpustakaan Negara Malaysia merupakan antara Perpustakaan Negara di dunia yang pertama dan merupakan perpustakaan yang pertama di Asia menyediakan akses kepada perkhidmatan pangkalan data ini secara percuma untuk seluruh negara. Antara sumber maklumat yang boleh

anda manafaatkan : Encyclopedia Britannica Online For Kids and Teens,World Atlas dan Primary Resources and E-Books.

- Pengguna tidak memerlukan password untuk mengakses pengkalan data ini.

**(iii) Overdrive (eBook)**

Perpustakaan Negara Malaysia menawarkan perkhidmatan peminjaman e-Buku secara dalam talian, khusus untuk anda menerusi perkhidmatan Overdrive. Pelbagai judul e-Buku dalam bidang perkara umum daripada penerbit-penerbit terkemuka tersedia untuk dipinjam. Anda dibenarkan meminjam sebanyak 2 buah e-buku untuk tempoh selama seminggu. Untuk meminjam, anda perlu memasukkan *Library Card Number* yang disediakan . Pastikan anda telah memasang terlebih dahulu perisian **Adobe® Digital Editions** (untuk membaca e-Buku yang dipinjam) dan perisian **OverDrive® Media Console** (bagi mengakses buku audio dan bahan berbentuk video yang dipinjam) di komputer atau peralatan pembaca elektronik anda (*mobile devices*).

- Pengguna tidak memerlukan password untuk mengakses pengkalan data ini.

## (iv) Zinio (eMajalah)

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan antara yang pertama di Asia yang menawarkan perkhidmatan untuk mengakses e-Majalah secara dalam talian, menerusi perkhidmatan Zinio. Sebanyak 166 judul e-Majalah popular dalam pelbagai bidang perkara oleh penerbit-penerbit terkemuka tersedia untuk bacaan anda.

**Username : mnl@publiclibraries.com**
**Password : 1malaysia**

## (v) World e-Book Library

Dapatkan akses kepada perkhidmatan pangkalan data World e-Book Library di sini. Anda boleh mengakses dan membuat peminjaman kepada judul-judul e-buku terpilih, yang disediakan secara dalam talian. World E-Book Library menyediakan akses kepada lebih daripada 2,000,000 judul eBuku dalam format PDF meliputi buku akademik, jurnal dan majalah, novel serta buku audio.

- Pengguna tidak memerlukan password untuk mengakses pengkalan data ini.

**(vi) Library PRESSDISPLAY**

Pangkalan data Library **PRESSDISPLAY** merupakan sebuah pangkalan data suratkhabar yang disediakan oleh NewsPaperDirect, Inc, Canada. Di sini, anda boleh mengakses lebih dari 2,200 judul suratkhabar terkemuka dunia, daripada 97 negara dalam 54 bahasa secara segera dalam format teks penuh (*full-text*) , termasuk akhbar-akhbar utama terbitan Malaysia secara dalam talian.

**Username: nlm@library.pressdisplay.com**
**Password: welcome**

**(vii) BLIS**

**BLIS** adalah singkatan kepada BERNAMA Library and Infolink Service. Perkhidmatan pangkalan data BLIS disediakan oleh agensi berita BERNAMA. BLIS menyediakan sumber-sumber maklumat penting yang boleh anda gunakan untuk membantu penyelidikan. Antaranya, berita semasa dan arkib berita BERNAMA, profail tokoh-tokoh di Malaysia, teks penuh ucapan, fakta dan statistik penting berkaitan Malaysia, laporan sektoral, direktori dan pautan kepada pusat sumber dan maklumat BERNAMA

**Username: mylib01** sehingga **mylib36**
**Password: mylib01** sehingga **mylib36**